

Headline	IKON TASIK CHINI		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	1TO3	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	2475 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD	AdValue	RM 49,365
Frequency	Daily	PR Value	RM 148,095



**Mega** UTUSAN MALAYSIA



Teratai yang menjadi simbol keindahan Tasik Chini kini dipulihara

# IKON TASIK CHINI

Headline	IKON TASIK CHINI		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	1TO3	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	2475 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD	AdValue	RM 49,365
Frequency	Daily	PR Value	RM 148,095

## agro

### Apa kata peserta

"Aktiviti sebegini dapat membantu serta memudahkan tugas saya dalam memelihara dan memulihara sebarang jenis tumbuhan air dan tebingan."

- ROZALI ABDUL RAHIM,  
Pengawas Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).



"Ini merupakan pertama kali saya terlibat dengan kursus penanaman teratai dan tumbuhan ini amat unik selain memiliki pelbagai kelebihan yang menjadikannya amat perlu dipulihara di sini (Tasik Chini) kerana tidak semua tasik memilikinya."

- SITI FAIRUS ZAKARIA.  
Pegawai Penyelidik,  
Institut Penyelidikan  
Perhutanan Malaysia (FRIM).



"Program ini banyak membantu mempraktikkan teori yang dipelajari saya selama ini terutamanya berkaitan tumbuhan akuarik dan tebingan yang kita ketahui memiliki pelbagai manfaat seperti menapis air dan sebagai tebatan semulajadi mengelak hakisan tebing akibat banjir."

- SITI ZULAIKA MOHD. RAFFI.  
Pelajar Praktikal FRIM,  
Bachelor Sains Kimia Analisis  
dan Persekitaran,  
Universiti Malaysia Terengganu  
(UMT).



DUA pegawai penyelidik menunjukkan cara penyediaan menanam pokok buluh, di bengkel penyediaan stok tanaman untuk penanaman tumbuhan darat dan akuarik.



MOHD. PAIZ KAMARUZAMAN (kanan) bersama Dr. Abd. Rahman Kassim (dua dari kiri) dan Mohd. Ghazali Hasan (kiri) meninjau pokok teratai yang tumbuh subur setelah ditanam semula di Tasik Chini, Pekan, Pahang.

# Pulihara pokok penghias tasik

FRIM buat kajian pastikan kelangsungan teratai

TERATAI merupakan antara tumbuhan akuarik yang begitu mempesonaan.

Tumbuhan itu sering menarik minat pengunjung terutama ketika ratusan kuntum bunganya berkelambang mekar.

Di negara ini, tumbuhan tersebut mudah didapati di merata kawasan tanah lembab, namun di Tasik Chini, Pahang, teratai merupakan antara tumbuhan ikonik kawasan tersebut.

Bagaimanapun, teratai amat sensitif serta memerlukan penceran cahaya matahari yang mencukupi.

Menurut Ketai Program Geoinformasi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr. Abdul Rahman Kassim, teratai merupakan tumbuhan akuarik semula jadi di Tasik Chini, justeru tumbuhan tersebut telah dijadikan ikon.

"Litupan teratai disepanjang tebing tasik ini sentiasa menggambit kehadiran pengunjung."

"Malah, kuntuman bunga yang mekar juga menambah keindahan tasik semula jadi ini," katanya.

Tasik Chini tasik semula jadi di Malaysia dan menerima bekalan air daripada empat batang sungai utama iaitu Sungai Datang, Sungai Gumum, Sungai Peupok dan Sungai Melai.

Satu-satunya laluan air keluar daripada Tasik Chini adalah Sungai

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD  
ashriq.ahmad@hotmail.com



Chini sepanjang 4.8 kilometer (km) di bahagian utara dan bersambung dengan Sungai Pahang.

Pada hujung tahun, kawasan tasik tersebut kebiasaannya akan ditenggelam atau yang melimpah dari Sungai Pahang menerusi Sungai Chini akibat kadar curahan hujan yang tinggi.

Kedua-dua tersebut turut akan menenggelamkan sebahagian besar tebing Sungai Chini dan tasik tersebut akan tenggelam sepenuhnya beberapa ketika.

Sebahagian besar tumbuhan akuarik seperti teratai turut terendam lama di bawah air sewaktu banjir besar.


Teratai yang menjadi ikon tasik tersebut hampir pupus akibat ditenggelami air dan memerlukan masa yang panjang untuk kembali pulih dan mendominasi tebing Tasik Chini.

Dr. Abdul Rahman berkata, sebelum ini kenaikan paras air tasik akibat limpahan air hujan yang berlebihan sememangnya diketahui akan menyebabkan kematian teratai.

"Tumbuhan tersebut akan puhi semula seperti sediakala namun mengambil masa.

"Bagaimanapun banjir besar yang berlaku sebelum ini telah menghanyut dan meyebabkan sebahagian besar teratai di tasik ini mati dengan drastik," katanya.

Headline	IKON TASIK CHINI		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	1TO3	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	2475 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD	AdValue	RM 49,365
Frequency	Daily	PR Value	RM 148,095



**MOHD. GHAZALI HASAN (kiri)** memberi penerangan dan menunjukkan tunas pokok teratai kepada peserta yang terlibat.

Oleh yang demikian pelbagai usaha sedang dilaksanakan bagi mengembalikan teratai ke tasik tersebut menerusi kaedah saintifik. Ujarnya, kaedah semula jadi tetap akan berlaku namun akan mengambil masa yang panjang justeru kaedah saintifik dipilih kerana lebih cepat dan mudah. Selain teratai, Tasik Chini memiliki kawasan paya air tawar dan hutan paya di sekellingnya seluas 700 hektar (ha) dengan litupan pelbagai tubuhan lain. Telah disenaraikan sebagai tapak Rizab Biosfer di bawah program Manusia dan Biosfera (MAB) oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pertama seumpamanya di negara ini menjadikan kawasan Tasik Chini semakin penting untuk dipulihara. "Antara keunikan Tasik Chini adalah terletak pada ekosistem semula jadinya yang terdiri daripada hutan paya air tawar, hutan tebing sungai (riparian) dan hutan tanah pamah dan bukit," katanya. Rata-rata penduduk sekitar adalah terdiri daripada Orang Asli yang bergantung sepenuhnya kepada hasil daripada hidupan akuatik sekitar tasik tersebut. Tambahan lagi, tasik yang dihuni

pelbagai tumbuhan akuatik dan ikan, sumber bekalan air dan sumber rezeki penduduk setempat itu kini menerima tekanan akibat pembangunan ekonomi yang pesat di sekitarnya. Beberapa kawasan hutan di sekitar tasik juga dicemari dengan pencerobohan haram menjadikannya semakin terosot. Usaha perlu dijalankan untuk menghutangkan semula kawasan terosot tersebut menerusi pendekatan saintifik dan kajian yang dijalankan. Keadaan tersebut telah mengancam ekosistem tasik dan sehubungan itu Bahagian Mineral dan Geosains Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah meluluskan dana untuk tujuan pemuliharaan.

Tujuan utama adalah bagi menggalakkan perkembangan industri ekopelancongan serta pertumbuhan ekonomi masyarakat setempat. Beberapa tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang telah dirumuskan dalam Rancangan Malaysia ke 10 (RMK-10).

FRIM serta Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah menjalankan beberapa aktiviti untuk membantu memulihara sumber biodiversiti tumbuhan darat dan akuatik di lembangan itu.

Bagi tahun antara 2014 hingga 2015, mereka telah menjalankan beberapa projek berkaitan seperti pengelasan kawasan terosot, survei tanah, penanaman pokok hutan, buah-buahan nadir dan penanaman spesies palma dan buah untuk tujuan memuliharkan kawasan terosot.

Dalam pada itu, mereka turut melaksanakan inventori spesies asal seperti penyerauan spesies riparian dan aquatik, penyediaan buku rujukan tumbuhan riparian dan aquatik serta pengenalaman semula spesies terancam dan terakhir adalah penanaman semula teratai.

Berbaharu mereka turut menganjurkan Bengkel Penyediaan Stok Tanaman Untuk

## agro



**Fakta**

Bengkel Penyediaan Stok Tanaman Untuk Penanaman Tumbuhan Darat dan Akuatik.

- Bengkel yang disertai 70 orang peserta diadakan selama tiga hari.
- Pelbagai pengisian seperti kuliah pengenalan isu Tasik Chini, kaedah pemetaan kawasan terosot, survei sifat tanah, pengenalan tumbuhan aquatik (teratai) dan pelbagai lagi.
- Peserta juga turut didekah dengan panduan dan demonstrasi penanaman pokok tebing dan pokok teratai.

Penanaman Tumbuhan Darat dan Akuatik bagi memastikan usaha yang dilaksanakan tersebut dapat diteruskan. Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh Pengarah JPNP, **Datuk Mohd. Paiz Kamaruzaman**.

Mohd. Paiz berkata, bengkel tersebut merupakan platform terbaik untuk menerapkan modal insas serta meningkatkan garis panduan lengkap kemahiran dalam teknik asas penyediaan stok bahan penanaman pokok darat dan aquatik.

"Seperi mana yang kita ketahui, teratai memainkan peranan penting sebagai tumbuhan penapis di dalam tasik ini (Tasik Chini) dan mana-mana kawasan berair.

"JPNP sangat komited dalam pelaksanaan pembelajaran dan pembangunan hutan di Tasik Chini," katanya.

**Gambar SAIFUL BAHARI ASHAARI**



**MOHD. PAIZ KAMARUZAMAN** (barisan depan, empat dari kanan) dan Dr. Abd. Rahman Kassim (depan, lima dari kanan) bergambar kenangan bersama para peserta, dalam majlis perasmian bengkel penyediaan stok tanaman untuk penanaman tumbuhan darat dan aquatik di Lembangan Tasik Chini, Pekan, Pahang baru-baru ini.